

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

15 January 2016

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Keputusan yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen terhadap 'Repco' Low Thiam Hock atas kesalahan manipulasi pasaran boleh dilihat melalui dua perspektif yang berbeza.

Perspektif negatifnya ialah tempoh yang begitu lama iaitu masa hampir dua dekad di antara kesalahan yang dilakukan dan keputusan mahkamah boleh dianggap sebagai satu ketidakadilan.

Manakala pandangan positif pula, iaitu jenayah terhadap pasaran saham tidak akan terlepas daripada hukuman, dan lambat laun, pihak berkuasa undang-undang pasti dapat menangkap dalangnya.

Bagaimanapun, aspek yang tidak dapat dinafikan adalah peningkatan momentum tindakan penguatkuasaan pihak kawal selia, dengan menghukum pesalah yang melakukan kesalahan yang menjejaskan fungsi pasaran.

Contoh terkini termasuklah saman sivil yang difailkan terhadap dua individu atas dakwaan dagangan orang dalaman yang melibatkan Inti Universal Holdings Bhd.

Mesej yang dihantar oleh pihak kawal selia adalah jelas: mereka sentiasa mengawasi, tanpa mengira masa yang diambil untuk mendapatkan maklumat dan bukti yang diperlukan untuk menyokong kes mereka.

Menyentuh hal yang berasingan, tekanan penurunan berterusan harga minyak, masih menjadi isu utama yang membimbangkan memandangkan perolehan kita banyak tergantung kepada komoditi ini.

Dengan dagangan minyak mentah WTI dan Brent pada paras terendah dalam tempoh 12 tahun iaitu USD30/tong, kerajaan perlu dan sememangnya akan melihat semula sasaran defisit dan bajet untuk 2016.

Dengan harga minyak menjunam, ekonomi negara menghadapi cabaran baru bukan sahaja dari sudut penarafan kredit negara, tetapi kesan terhadap ekonomi dengan pelbagai ancaman kepada jaminan pekerjaan, pendapatan korporat dan juga pertumbuhan.

Bank Dunia, yang telah menurunkan sasaran pertumbuhan negara kepada 4.5% pada tahun ini (daripada jangkaan 4.7% pada tahun 2015 dan 6% pada tahun 2014), menunjukkan bahawa komuniti kewangan antarabangsa sudah pun mengakui cabaran yang kita hadapi.

Ditambah dengan ekonomi China yang semakin lembap, dengan nilai mata wang Yuan yang semakin menyusut dan saham pasaran yang merudum, masalah negara kita tidak boleh dipandang ringan, berikutan status China sebagai rakan dagang terbesar kita.

Negara secara kolektif perlu memikirkan cara untuk mengurangkan cabaran berkembar harga minyak dan minyak sawit mentah yang rendah dan juga kelembapan ekonomi China supaya kesan sosio-ekonomi dapat ditangani.

Rita

KEMAS KINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

SC MEMFAILKAN SAMAN TERHADAP DUA INDIVIDU KERANA PERDAGANGAN ORANG DALAM

SC baru-baru ini memfailkan saman sivil terhadap dua individu iaitu Teng Choon Kwang dan Tan Boon Hwa di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, atas kesalahan dagangan orang dalam yang melibatkan saham Inti Universal Holdings Bhd (Inti).

Dalam tuntutan yang difailkan pada 30 Disember 2015, SC mendakwa dua individu ini telah melanggar Seksyen 89E (2) Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (SIA), memperolehi sejumlah 305,000 saham Inti antara 13 September 2007 dan 18 September 2007 ketika memiliki maklumat bukan awam. Pada masa itu, Teng merupakan pengarah bukan eksekutif Inti.

SC mendakwa maklumat ketara yang disebut dalam perbuatan itu berkaitan dengan cadangan daripada Laureate Education, Inc. untuk memperoleh kepentingan kawalan dalam Inti daripada pemegang saham utama Inti iaitu Inti Supreme Holdings Sdn Bhd. Cadangan tawaran Laureate bagi pemerolehan itu berjumlah RM126.6 juta yang diterjemahkan kepada RM1.20 untuk sesaham Inti. Inti mengumumkan cadangan pengambilalihan itu kepada Bursa Malaysia pada 19 September 2007.

SC memohon antara lain, pembayaran balik ganti rugi berjumlah RM293,502, iaitu tiga kali ganda keuntungan yang didakwa dibuat oleh defendan berikutan pelanggaran itu, penalti sivil berjumlah RM1 juta dan perintah untuk menghalang defendan daripada dilantik sebagai pengarah dalam mana-mana syarikat tersenarai awam bagi tempoh lima tahun.

[Sumber: Kenyataan media di laman web SC pada 7 Jan 2016]

KOMEN MSWG:

Selain daripada tindakan penguatkuasaan terdahulu pada tahun 2015 untuk dagangan orang dalam saham Inti, SC mengambil sekatan yang lebih ketat terhadap pesalah dagangan orang dalam seperti mengenakan penalti sivil yang besar dan juga menghalang pesalah daripada dilantik sebagai pengarah dalam mana-mana syarikat awam tersenarai untuk tempoh 5 tahun.

Kami berharap hukuman yang berat ini akan menjadi contoh kepada pesalah untuk menghalang pemain pasaran daripada melakukan kesalahan yang sama.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.